



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 25
No. 14

9hb Julai 1981

TAMBAHAN No. 43
PERUNDANGAN (A)

✓ P.U. (A) 188.

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

PERINTAH AHLI PARLIMEN (PENGUBAHSUAIAN PENCEN
DAN GANJARAN) 1981

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan 19A
Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Yang *Akta 237.*
di-Pertuan Agong membuat Perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ahli Parlimen
(Pengubahsuaian Pencen dan Ganjaran) 1981** dan hendaklah di-
sifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980. Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

2. Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 Pindaan bagi
Jadual
Pertama.
adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “yang akhir sekali diterima”
dan “yang akhir sekali diterima oleh” yang terdapat di
mana-mana sahaja dalam:

(i) tafsiran “gaji” dalam perenggan 1; dan

(ii) perenggan kecil (4) perenggan 5;

(b) dengan memasukkan proviso baru yang berikut dalam
perenggan kecil (2) perenggan 2 dan sebelum proviso yang
sedia ada:

“Dengan syarat bahawa pencen yang kena dibayar di
bawah perenggan ini hendaklah atas asas gaji sehabis
tinggi yang diterima oleh Ahli atau Anggota dalam apa
jua tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira.”;

(c) dengan memasukkan perkataan “selanjutnya” selepas per-
kataan “Dengan syarat” dalam proviso perenggan kecil (2)
perenggan 2 yang sedia ada itu;

(d) dalam perenggan kecil (4) perenggan 2:

(i) dengan menggantikan perkataan “dalam tempoh dari 31hb Ogos 1957 hingga 18hb Mac 1969” dengan perkataan “pada bila-bila masa pada atau selepas 31hb Ogos 1957”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “gaji akhirnya” dengan perkataan “gajinya”;

(e) dengan menggantikan perenggan kecil (1) perenggan 3 dengan perenggan kecil (1) yang berikut:

“(1) Walau apapun peruntukan perenggan kecil (3) perenggan 2, seseorang Ahli atau Anggota yang tidak memegang jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, boleh dibayar pencen di bawah perenggan 2 jika dahulunya dia pernah berkhidmat sebagai Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, atau Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat selama apa jua tempoh:

Dengan syarat bahawa jika dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota dan pencen yang diterimanya kurang daripada pencen maksimum yang kena dibayar di bawah perenggan kecil (2) perenggan 2, maka pencen itu bolehlah dihitung semula atas asas gaji yang diterimanya sebagai Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, atau Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, mengikut mana yang berkenaan, dan atas perkhidmatan yang boleh dimasukira yang mana hendaklah termasuk sekian lama tempoh dia berkhidmat sebagai Ahli atau Anggota, lain daripada sebagai Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, supaya dia boleh menerima pencen sehabis maksimum yang mungkin kena dibayar di bawah perenggan kecil (2) perenggan 2.”;

(f) dengan menggantikan perenggan kecil (2) perenggan 4 dengan perenggan kecil (2), (3) dan (4) yang berikut:

“(2) Ganjaran yang kena dibayar di bawah perenggan ini hendaklah atas asas gaji sehabis tinggi yang diterima oleh Ahli atau Anggota dalam apa jua tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira.

(3) Apa-apa ganjaran atau hadiah wang tunai yang telah dibayar kepada Ahli atau Anggota bagi apa jua tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira hendaklah dipotong dari ganjaran yang kena dibayar di bawah perenggan ini.

(4) Walau apapun peruntukan perenggan kecil (1), Ahli atau Anggota yang berhenti memegang jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tetapi terus menjadi Ahli atau Anggota Dewan Negara atau Dewan Rakyat bolehlah dibayar ganjaran di bawah perenggan ini pada masa dia berhenti memegang jawatan itu:

Dengan syarat bila dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota, ganjaran yang telah dibayar kepadanya hendaklah dipotong dari ganjaran yang kena dibayar di bawah perenggan ini.”;

(g) dengan menggantikan perkataan “dan telah mati dalam tempoh dari 31hb Ogos 1957 hingga 31hb Disember 1969 dan” dalam perenggan kecil (4) perenggan 5 dengan perkataan “pada bila-bila masa pada atau selepas 31hb Ogos 1957 dan telah mati dan”;

(h) dengan memasukkan perenggan kecil (1A) yang berikut selepas perenggan kecil (1) perenggan 16:

“(1A) Bagi maksud perenggan kecil (1), tempoh perkhidmatan seseorang Ahli atau Anggota dalam Majlis Perundangan Persekutuan hendaklah diambilkira.”; dan

(i) dengan memasukkan perkataan “dan ganjaran” selepas perkataan “pencen” yang terdapat dalam akhir perenggan kecil (2) perenggan 16”.

Diperbuat pada 19hb Jun 1981.

[PM, (R) 11880/A/546/XI Jld. II; PN. (PU²) 369.]

Dengan Titah Perintah,

DATO HUSSEIN ONN,
Perdana Menteri

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION)
ACT 1980

MEMBERS OF PARLIAMENT (MODIFICATION OF PENSIONS
AND GRATUITIES) ORDER 1981

IN exercise of the powers conferred by paragraph 19A of the First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980, the Yang di-Pertuan Agong makes the following Order: *Act 237.*

1. This Order may be cited as the **Members of Parliament (Modification of Pensions and Gratuities) Order 1981** and shall be deemed to have come into force on the 1st July 1980. Citation and commencement.

2. The First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 is amended— Amendment of First Schedule.

(a) by deleting the words “last drawn” and “last” wherever they appear in:

(i) the interpretation of “salary” in paragraph 1;

(ii) subparagraph (4) of paragraph 2; and

(iii) subparagraph (4) of paragraph 5;

(b) by inserting the following new proviso in subparagraph (2) of paragraph 2 and before the existing proviso:

“Provided that the pension payable under this paragraph shall be based on the highest drawn salary of the Member during any period of reckonable service:”;

(c) by inserting after the word “Provided” in the existing proviso in subparagraph (2) of paragraph 2 the word “further”;

(d) by substituting for the words “between the period 31st August 1957 and 18th March 1969” in subparagraph (4) of paragraph 2 the words “at any time on or after 31st August 1957”;

(e) by substituting for subparagraph (1) of paragraph 3 the following subparagraph (1):

“(1) Notwithstanding subparagraph (3) of paragraph 2, a Member who does not hold the office of Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister, Deputy Minister, Parliamentary Secretary, President or Deputy President of the Senate, or Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives may be paid a pension under paragraph 2 if he had previously served as Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister, Deputy Minister, Parliamentary Secretary, President or Deputy President of the Senate, or Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives for any period:

Provided that if he ceased to be a Member and the pension he receives is less than the maximum pension payable under subparagraph (2) of paragraph 2, then the pension may be recomputed on the basis of his salary received as Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister, Deputy Minister, Parliamentary Secretary, President or Deputy President of the Senate, or Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives, as the case may be, and on the reckonable service which shall include so much of the period he served as a Member, other than as Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister, Deputy Minister, Parliamentary Secretary, President or Deputy President of the Senate, or Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives, so that he may receive the maximum possible pension payable under subparagraph (2) of paragraph 2.”;

(f) by substituting for subparagraph (2) of paragraph 4 the following subparagraphs (2); (3) and (4):

“(2) The gratuity payable under this paragraph shall be based on the highest drawn salary of the Member during any period of reckonable service.

(3) Any gratuity or cash award that has been paid to a Member in respect of any period of reckonable service shall be deducted from the gratuity that falls due to be paid under this paragraph.

(4) Notwithstanding subparagraph (1), a Member who ceased to hold the office of Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister, Deputy Minister, Parliamentary Secretary, President or Deputy President of the Senate, or Speaker or Deputy Speaker of the House of Representatives but continues to be a Member of either House of Parliament may be paid a gratuity under this paragraph at the time he ceased to hold such office:

Provided that when he ceased to be a Member, the gratuity that has been paid to him shall be deducted from the gratuity that falls due to be paid under this paragraph.”;

(g) by substituting for the words “and had died between the period 31st August 1957 and 31st December 1969 and had” in subparagraph (4) of paragraph 5 the words “at any time on or after 31st August 1957 and had died and”;

(h) by inserting after subparagraph (1) of paragraph 16 the following subparagraph (1A):

“(1A) For the purposes of subparagraph (1), the period served by a Member in the Federal Legislative Council shall be taken into account.”; and

(i) by inserting after the word “pension” where last appearing in subparagraph (2) of paragraph 16 the words “and gratuity”.

Made the 19th June 1981.

[PM. (R) 11880/A/546/XI Jld. II; PN. (PU²) 369.]

By Command,

DATO HUSSEIN ONN,
Prime Minister

P.U. (A) 189.

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERINTAH KAWALAN BEKALAN (BARANG-BARANG KAWALAN) 1981

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961, Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah berikut: *Akta 122.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Bekalan (Barang-barang Kawalan) 1981.** *Nama.*

2. Barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual adalah diistiharkan sebagai Barang-barang Kawalan bagi tempoh 10hb Julai 1981 hingga 28hb Februari 1982 (termasuk kedua-dua tarikh). *Barang-barang Kawalan.*